

# Jurang gaji lelaki, wanita dalam bidang kerja di S'pura kian mengecil: Kajian

► **ATIYAH MOHD SAID**  
atiyahm@sph.com.sg

TERDAPAT jurang gaji di antara lelaki dan wanita yang bekerja dalam bidang yang sama dengan tahap pendidikan dan usia yang sama di Singapura, meskipun jurang itu semakin mengecil, menurut satu kajian setempat.

Jurang gaji median antara lelaki dan wanita (GPG) yang mengambil kira faktor seperti pekerjaan, industri, usia dan pendidikan, adalah 6 peratus pada 2018, berbanding 8.8 peratus pada 2002 apabila kajian pertama dijalankan.

Ini juga lebih rendah daripada perangkaan jurang gaji median yang tidak terlaras yang mengambil kira faktor serupa, yang mencecah 16.3 peratus pada 2018.

Demikian menurut satu kajian oleh Kementerian Tenaga Manusia (MOM) dengan kerjasama Universiti Nasional Singapura (NUS) yang laporannya dikeluarkan semalam.

Kajian itu melibatkan lebih 33,000 isi rumah berusia antara 25 tahun dengan 54 tahun yang memiliki pekerjaan sepenuh masa.

Perangkaan jurang gaji median jantina yang tidak terlaras hanya membandingkan gaji median wanita dan lelaki yang bekerja sepenuh masa.

Berbanding dengan negara seperti Amerika Syarikat (8 peratus) dan Canada (7.7 hingga 8.3 peratus), jurang gaji lelaki dan wanita di Singapura adalah lebih rendah.

Menjelaskan lebih lanjut, laporan itu berkata kaum Hawa setempat hari ini mempunyai tahap pendidikan dan penyertaan dalam pasaran kerja yang lebih tinggi.

Pada 2018, 71 peratus mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan diploma, dua kali ganda berbanding hanya 36 peratus pada 2002.

Kadar penyertaan wanita dalam pasaran kerja meningkat kepada 80.8 peratus pada 2018, berbanding 65.2 peratus pada 2002.

Meskipun lebih ramai wanita kini dalam golongan karyawan, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET), namun jumlah kaum itu masih tinggi dalam pekerjaan tradisional wanita – seperti jururawat dan pengurus pentadbiran.

Berhubung dengan jurang gaji jantina, laporan itu berkata:

“Faktor pasaran buruh didapati meninggalkan kesan lebih besar dalam merapatkan jurang gaji jantina.

“Khususnya, perbezaan pekerjaan antara lelaki dan wanita adalah faktor paling ketara selama ini, menandakan bahawa terdapat pengasingan dari segi pekerjaan yang semakin meningkat.”

Menurut laporan itu lagi, pengasingan itu berlaku kerana wujudnya perbezaan jantina – misalnya, wanita dan lelaki memiliki perbezaan dalam personaliti, kemahiran, ciri psikologi dan pilihan bidang pengajian.

“Memandangkan gaji median dalam pekerjaan yang dikuasai lelaki meningkat lebih pantas berbanding peker-

jaan yang dikuasai wanita, maka pengasingan pekerjaan semakin ketara dalam jurang gaji berdasarkan jantina yang tidak mengambil kira faktor serupa seperti industri dan pekerjaan.”

Justeru, bagi menggalak lebih ramai wanita belajar atau menyertai bidang yang dikuasai lelaki, banyak usaha telah diterajui oleh pertubuhan dalam sektor berkenaan.

“Misalnya, lebih ramai wanita diiktiraf dalam sektor teknologi seperti menerusi pelbagai anugerah, anugerah felo dan kumpulan minat di bawah Persatuan Komputer Singapura (SCS).

“Persatuan Karyawan Keselamatan Maklumat juga menganjurkan taklimat kerjaya di sekolah perempuan sahaja bagi menarik mereka menyertai industri keselamatan siber,” ujar kenyataan MOM.

Laporan itu menarik perhatian bahawa setelah mengambil kira faktor serupa antara pekerja lelaki dan wanita, wanita tetap meraih pendapatan lebih rendah.

“Ini disebabkan faktor yang tidak boleh diukur oleh model (kajian) ini seperti tempoh pengalaman kerja dan pilihan pekerjaan yang menjejaskan gaji.

“Ekoran norma sosial berhubung peranan jantina dalam keluarga, wanita lazimnya memainkan peranan utama dalam penjagaan seperti menjaga anak dan warga emas.

“Ini mungkin mengurangkan masa dan pengalaman di tempat kerja, menyebabkan mereka ketinggalan dalam kerjaya, lantas pendapatan,” jelas laporan itu.

## PEKERJAAN UTAMA YANG DIJAWAT

**1. Lebih ramai wanita dalam pekerjaan yang memberikan pertumbuhan gaji lebih rendah seperti:**

- \* Penyambut tamu, khidmat pelanggan dan kerani maklumat
- \* Karyawan bersekutu perakaunan
- \* Jurujual kedai
- \* Pentadbiran dan karyawan berkaitan
- \* Kerani umum

**2. Lebih ramai lelaki dalam pekerjaan yang memberi pertumbuhan gaji lebih tinggi seperti:**

- \* Pengurus pembangunan perniagaan, penjualan dan pemasaran
- \* Ketua eksekutif, pengarah urusan dan pengurus besar
- \* Jurutera elektronik
- \* Pengurus projek teknologi maklumat
- \* Jurutera mekanikal
- \* Teknisyen kejuruteraan mekanikal

**3. Pekerja wanita didapati lebih ramai berbanding lelaki dalam pekerjaan yang memberi pertumbuhan gaji lebih tinggi seperti:**

- \* Pengurus pentadbiran dan kewangan
- \* Akauntan
- \* Pengamat kewangan dan karyawan berkaitan
- \* Eksekutif penjualan pemasaran dan komersial